

**SOALAN NO: 31****PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid [Lumut]****TARIKH : 21 November 2017****SOALAN : Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abdul Hamid minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

bahawa tiada lagi lesen pukat tunda dikeluarkan demi mencapai sasaran penghapusan pukat tunda pada tahun 2020.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Menyedari bahawa penggunaan jangka panjang sumber perikanan yang mampan adalah penting kepada bekalan ikan makan Negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menetapkan **dasar penghapusan pengoperasian vesel pukat tunda zon B menjelang tahun 2020 secara berperingkat.**

Dalam hal ini, Jabatan Perikanan Malaysia menggalakkan supaya pengusaha **vesel pukat tunda zon B menukar peralatan menangkap ikan yang lebih mesra sumber atau berpindah ke kawasan operasi penangkapan ikan zon C ke atas yang lebih dalam.** Jabatan Perikanan Malaysia dalam usaha untuk melindungi dan memulihara sumber perikanan juga telah **membekukan pengeluaran lesen baharu bagi vesel zon A, B dan C sejak tahun 1982.**

**Soalan ( 32 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21 NOVEMBER 2017  
[ SELASA ]

DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]

**SOALAN :-**

YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah penyelesaian kepada sistem perparitan terancang yang tidak pernah wujud dari Tanjung Lumpur ke Kempadang, sejak selepas jambatan Tanjung Lumpur dibuka pada penghujung tahun 1996. Masalah banjir kilat wujud terutama apabila kawasan tersebut kini pesat dibangunkan.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membuat semakan mengenai sistem perparitan ini bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat dan mendapati bahawa sistem perparitan di Tanjung Lumpur adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala penyelenggaranya adalah diuruskan oleh kontraktor Roadcare.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017